

Soalan Panduan untuk Memilih Produk MHIT yang Sesuai



Adakah produk MHIT ini sesuai untuk saya? Adakah produk ini memenuhi keperluan saya?

- 1 Apakah jenis produk MHIT yang tersedia?
- 2 Apakah ciri-ciri penting dalam pelan ini dan adakah tahap manfaatnya memenuhi keperluan saya?
 - * Tempoh perlindungan
 - * Penyakit kritikal yang dilindungi
 - * Caj bilik hospital dan pembedahan
 - * Cara manfaat dibayar, iaitu tanpa tunai atau bayar dahulu, tuntutan kemudian
 - * Proses tuntutan
 - * Had tahunan dan had seumur hidup
 - * Jumlah dan asas pembayaran bersama (sama ada setiap tahun, setiap kecacatan, setiap kali memasuki ke hospital)
- 3 Apakah yang tidak dilindungi dalam pelan ini? Baca lembaran penzahiran produk (*product disclosure sheet*) anda
 - * Keadaan kesihatan sedia ada
 - * Penyakit tertentu yang dinyatakan
- 4 Adakah produk ini mempunyai perkhidmatan nilai tambah yang selari dengan gaya hidup saya?
 - * Program kesihatan
 - * Manfaat pemvaksin
 - * Manfaat kesihatan mental



Barapa banyak premium insurans/sumbangan takaful yang perlu saya bayar?

- 1 Adakah saya mampu untuk membayar premium/sumbangan berdasarkan pendapatan dan komitmen kewangan semasa?
- 2 Apakah faktor yang boleh menyebabkan premium/sumbangan berubah mengikut masa dan adakah saya akan mampu menampungnya?
- 3 Adakah premium/sumbangan akan berubah selepas saya membuat tuntutan?
- 4 Jika perlu, bolehkah saya mengurangkan premium/sumbangan dalam jangka masa panjang?
- 5 Berapakah jumlah premium/sumbangan saya jika saya memilih pilihan pembayaran bersama (*co-payment*) lain yang tersedia?
- 6 Apakah yang akan berlaku jika saya terlepas tarikh untuk membayar premium/sumbangan?
- 7 Apakah penalti yang dikenakan jika saya menghentikan pelan ini?



Apa lagi yang perlu saya ketahui?

- 1 Adakah insurans/takaful ini mempunyai elemen pelaburan? Jika ya, apakah maksudnya dan bagaimana prestasi pelaburan akan mempengaruhi perlindungan MHIT saya?
- 2 Adakah perlindungan ini membenarkan saya mendapatkan rawatan di mana-mana hospital mengikut pilihan saya?
- 3 Bagi memastikan bil perubatan saya layak untuk dituntut, apakah langkah-langkah yang perlu saya ambil semasa membeli insurans/takaful, sebelum mendapatkan rawatan perubatan dan semasa menerima bil?
- 4 Adakah perlindungan ini hanya merangkumi rawatan semasa berada di hospital atau turut meliputi rawatan pesakit luar?
- 5 Bagaimanakah struktur pembayaran premium/sumbangan (contohnya secara tahunan, separuh tahunan atau suku tahunan)?
- 6 Bilakah tarikh polisi ini berkuat kuasa?
- 7 Bolehkah saya menukar ciri-ciri tertentu dalam pelan saya? Jika ya, bagaimanakah caranya?
- 8 Bolehkan saya bertukar kepada pengendali insurans dan takaful yang lain? Jika ya, bagaimanakah caranya?

